



Maritim Malaysia perlu tambahan 4,000 perjawatan bagi beroperasi tahap maksimum

September 17, 2022 @ 5:59pm

KUANTAN: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) memerlukan tambahan 4,000 perjawatan bagi membolehkan beroperasi di tahap maksimum berdasarkan Perancangan Pelan Strategik Maritim Malaysia 2040.

Timbalan Ketua Pengarah (Logistik), Laksamana Madya Maritim Datuk Saiful Lizan Ibrahim, berkata selain faktor keluasan perairan dan pencerobohan nelayan asing, penambahan perjawatan diperlukan seiring dengan pertambahan aset agensi.

"Kita menerima aset tetapi tanpa penambahan perjawatan menyebabkan sumber manusia kurang berbanding pegangan aset sedia ada. Sebagai contoh, kapal KM Arau... jawatan hakiki sepatutnya ialah 56 orang tetapi diisi antara 40 ke 45 anggota kerana sebahagian perlu dipinjamkan ke kapal atau bot yang diterima tanpa perjawatan.

"Kita perlu mengoperasikan kapal atau bot yang baru diterima menyebabkan kita mengambil sedikit daripada jawatan sedia ada. Bagaimanapun, pengambilan ini tidak menjejaskan operasi kapal sedia ada yang masih berjalan secara optimum," katanya.

Saiful Lizan berkata demikian kepada media selepas Perbarisan Tamat Latihan Laskar Kelas II Maritim Siri 16/2021 di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Maritim Malaysia Pahang, Laksamana Pertama Maritim Kamal Ariffin Jusoh dan Pengarah AMSAS, Kepten Maritim R. Vincent.

Menurut Saiful Lizan, penambahan perjawatan juga sudah dalam perhatian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau memaklumkan setakat ini, Maritim Malaysia juga giat memperkukuh aspek keupayaan sumber manusia yang sudah mencapai 90.76 peratus daripada 5,303 jumlah perjawatan telah diluluskan dengan 490 lagi perjawatan akan diisi menjelang 2026.

Mengulas majlis hari ini, Saiful Lizan berkata, seramai 179 pelatih termasuk 20 wanita berjaya menamatkan latihan selama sembilan bulan bermula 7 Disember lalu, yang juga pengambilan pertama ketika negara masih berdepan pandemik COVID-19.

Mereka seterusnya akan menjalani latihan sambil bekerja selama empat bulan di kapal sebelum disahkan dalam perkhidmatan, yang antara lain meliputi pendedahan dalam aspek praktikal pengoperasian kapal. – BERNAMA



Timbalan Ketua Pengarah (Logistik) Maritim Malaysia Datuk Saiful Lizan Ibrahim (kiri) beramah mesra bersama pelatih pada Istiadat Perbarisan Tamat Latihan Laskar Kelas II Maritim, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di AMSAS Gebeng. - NSTP/Farizul Hafiz Awang